



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YB PUAN HANNAH YEOH
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SIDANG MEDIA

**PROGRAM GALAKAN PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN
KANAK-KANAK (TASKA) DENGAN JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT (JKM) MELALUI PEMBERIAN DISKAUN BIL
ELEKTRIK SEBANYAK 20 PERATUS**

26 SEPTEMBER 2019

SALUTASI

- **YB PUAN YEO BEE YIN**
MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)
- **YBHG. DATO. JUNAIDAH BINTI KAMARUDDIN**
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
- **YBHG. DATUK IR. AHMAD FAUZI HASSAN**
PENGERUSI SURUHANJAYA TENAGA
- **YBRS. IR. MEGAT JALALUDDIN MEGAT HASSAN**
***CHIEF RETAIL OFFICER*, TENAGA NASIONAL BERHAD**
- **RAKAN-RAKAN MEDIA**
- **PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini.
2. Hari ini saya ingin mengumumkan inisiatif terbaharu Kerajaan iaitu **Program Galakan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)** dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** Melalui

Pemberian Diskaun Bil Elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB).

3. Inisiatif ini adalah hasil daripada **konsultasi dan advokasi KPWKM bersama-sama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)** dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mengurangkan kos pengoperasian TASKA serta meningkatkan pendaftaran TASKA dengan JKM. Melalui inisiatif ini, TASKA yang berdaftar dengan JKM akan dapat menikmati **pemberian diskaun 20 peratus (%) bagi bil elektrik TNB.**

4. Pelaksanaan pemberian diskaun ini akan melibatkan syarat-syarat seperti berikut:
 - (i) terpakai kepada pengusaha/pemilik TASKA yang **berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Semenanjung Malaysia**, yang pada masa ini berjumlah 3,398 buah TASKA;
 - Di samping itu Kerajaan juga sedang meneliti untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) agar pemberian diskaun ini akan turut sama dinikmati oleh pengusaha/pemilik TASKA di Sarawak dan Sabah.

- (ii) pengusaha/pemilik TASKA yang layak adalah mereka yang dikenakan bil elektrik di bawah kategori **tarif komersial (Tarif B) dan bekalan elektrik dibekalkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)**;
 - (iii) bagi TASKA yang telah sedia berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun **bermula pada 1 November 2019 sehingga 31 Disember 2020**;
 - (iv) bagi TASKA yang akan berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun adalah mulai 1 November 2019 atau pada tarikh TASKA tersebut berdaftar (mana yang terkemudian) sehingga 31 Disember 2020; dan
 - (v) sebarang rujukan berkaitan dengan perkara ini, bolehlah menghubungi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).
5. Pemberian ini adalah berdasarkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan untuk memantau pengoperasian TASKA di Malaysia yang mana sehingga Ogos 2019, hanya terdapat 4,744 buah TASKA sahaja yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jumlah ini hanya mewakili sekitar 11.9 peratus (%) sahaja berbanding keperluan TASKA bagi populasi kanak-kanak di bawah 4 tahun yang dianggarkan berjumlah 40,000 buah.

6. Kementerian ini juga telah mengadakan sesi libat urus dengan beberapa pengusaha/pemilik TASKA dan berdasarkan maklum balas yang diterima, salah satu faktor yang menyebabkan industri pengasuhan dan didikan awal kanak-kanak ini kurang mendapat sambutan adalah **kerana kos pengoperasiannya yang tinggi**. Ini termasuklah **kos utiliti**, sewaan premis, makan minum kanak-kanak di TASKA serta keperluan untuk mematuhi had gaji minimum. Selain itu, walaupun pengusaha/pemilik TASKA dikenakan bil elektrik tarif komersial pada kadar voltan rendah (*low voltage commercial rate*), tetapi kadar tersebut masih dianggap tinggi.

8. Kerajaan berharap inisiatif ini bukan sahaja berupaya membantu pengusaha/pemilik **mengurangkan kos pengoperasian TASKA tetapi juga dapat meningkatkan pendaftaran TASKA dengan JKM** bagi tujuan **pemantauan** demi kebajikan dan keselamatan kanak-kanak di TASKA.

7. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kerana memberikan sokongan dalam perkara ini.

Sekian, terima kasih.